# Keputusan kaedah guna campuran 2 vaksin Covid-19 akan diumum dalam masa terdekat

[Aizat Sharif](#)
am@hmetro.com.my




VAKSIN COVID-19 jenis Pfizer. FOTO Bernama

Kangar: Kerajaan dijangka akan mengumumkan keputusan kajian kaedah heterolgi atau campuran dua vaksin sebagai sebahagian pelaksanaan Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan (PICK) dalam tempoh terdekat.

Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi (Mosti) Datuk Ahmad Amzad Hashim berkata, buat masa ini, tiada tempoh tertentu ditetapkan kerana pihaknya masih belum memuktamadkan keputusan berhubung perkara berkenaan.

"Insya-Allah, ia akan diumumkan dalam tempoh terdekat oleh Jawatankuasa Khas Jaminan Akses Bekalan Vaksin Covid-19 (JKJAV) selepas kita mendapat pandangan secukupnya daripada panel jawatankuasa berkenaan kerana buat masa ini, ia masih lagi di peringkat kajian.

"Namun, isu ini kita sudah bincangkan lebih daripada dua minggu kerana pelbagai perkara terkait. Contoh, isu mobiliti akan datang terutama daripada segi pergerakan ke luar negara.

"Ini kerana, ada negara menerima vaksin Sinovac atau vaksin dari China namun di negara Barat pula, banyak yang tidak mengiktiraf Sinovac," katanya pada sidang media di Pusat Pemberian Vaksin (PPV) Dewan 2020 di sini, hari ini.

Kata beliau, kaedah mencampurkan dua jenis vaksin yang berbeza sudah dilaksanakan di banyak negara serta mempunyai pelbagai laporan mengenai kesannya.

"Kita ada mempertimbangkan tentang pandangan jawatankuasa pakar dalam meneliti mengenai data klinikal yang ada namun

Trending


Dua anggota Dadali meninggal dunia dalam tempoh seminggu


Remaja bermasalah 'dibuang' pulau


Lelaki berpeluh di bawah katil rumah janda


Guru ditemukan meninggal atas sofa


'Suami menangis depan saya, dia takut ditinggalkan'

Mutakhir


Cubaan seludup barang kosmetik dari Thailand gagal


Aplikasi Kedahcare mudahkan rakyat mohon bantuan


Ajal pesara bomba ketika kayuh basikal


Penampang dilanda banjir


141,600 botol air minuman bantu penduduk terjejas bekalan air


Lelaki berenang mahu rentas daerah

MyResipi


Resepi Chicken Wings Ala 4 Fingers, Lagi Jimat & Puas Makan Di Rumah


Tips Telur Dadar Gebu & Sedap, Hanya Guna 3 Bahan Sahaja!


Resepi Mudah Aiskrim Mochi, Memang Nikmat Cair Di Dalam

pakar dalam meneliti mengenai data klinikal yang ada namun, pelbagai aspek dan isu harus diambil kira juga.

"Begitu juga isu, contohnya, untuk ke Tanah Suci Makkah memerlukan dos tambahan atau 'booster dose' daripada vaksin Sinovac yang mana ia ditentukan oleh kerajaan Arab Saudi sama ada ia membabitkan vaksin seperti Pfizer, Johnson & Johnson dan AstraZeneca. Jadi, ini antara isu yang wujud," katanya.

Terdahulu, beliau bersama Setiausaha Kerajaan Negeri Perlis Azman Mohd Yusof merangkap Pengerusi Pasukan Petugas Imunisasi Covid-19 (CITF) Perlis melakukan lawatan dan tinjauan operasi pemberian vaksin kepada orang ramai di dewan berkenaan.

Sebelum ini, kerajaan mempertimbangkan kaedah heterolgi untuk dilaksanakan di negara ini berikutan banyak negara sudah berbuat demikian.

Kaedah itu adalah bagi meningkatkan antibodi peneutralan serta keberkesanan sesuatu vaksin.

**Disiarkan pada: Julai 14, 2021 @ 5:18pm**

Artikel Berkaitan




**MUTAKHIR**

Malaysia guna vaksin Sinovac Khamis ini



**MUTAKHIR**

Pendaftaran vaksinasi Covid-19 dibuka hingga capai sasaran




**MUTAKHIR**

Vaksin Sinovac selamat dan halal - Duta China



**MUTAKHIR**

Khairy nafi pengasingan ikut agama, kaum dalam program vaksinasi

**Disyorkan untuk anda** Iklan oleh



How to get… Learn More
bglobalnew.com



Wanita yang berumur 52 tahun mampu…
AsiaStory




Former Manchester United Star Pau…
Mansion Global



How a New discovery Made Tinnitus relief…
Silencil



Petaling Jaya:



Mendapatkan



This new air



New Anti-



Mulut!



Tips Hilangkan Karat & Kesan Kerak Pada Kuali, Confirm Berkilat, Tak Payah Beli Baru Dah!



Tips Penting Untuk Pengguna Air Fryer, Supaya Tahan Lama & Menjamin Keselamatan!

**Unsold SUVs are almost being…**
Unsold SUVs | Spons…

**pinjaman mungkin lebih…**
Pinjaman | Senarai Ta…

**conditioner with no installation…**
cooledge.live

**Mosquito Device Is Changing…**
simplediscountfinder.…

© 2021 Harian Metro, New Straits Times Press (M) Bhd.
A part of Media Prima Group.

Hubungi Kami
Team myMetro
RSS Feed
Disclaimer
Notis Perlindungan Data Peribadi

Utama
Mutakhir
Global
Arena
Rap/Rapxtra
Bisnes
MetroTV

Akademia
#ITMetro
Ku Bela
Santai
P&P
Dekotaman
WM

Addin
Rencana
Sihat
Xpresi
Vroom
Galeri
Infografik